



TEKS UCAPAN

YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN

KETUA PENGARAH

AGensi NUKLEAR MALAYSIA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN AGensi NUKLEAR MALAYSIA

BILANGAN 6/2025

02 JULAI 2025 (RABU)

SALUTASI

Yang Berusaha Dr. Muhammad Rawi Mohamed Zin

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan & Pembangunan
Teknologi

Yang Berusaha Ts. Dr. Ishak Mansor

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

Yang Berusaha Dr. Nor Pa'iza Mohamad Hasan

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan & Perancangan Teknologi

Yang Berusaha Dr. Shukri Mohd

Pengarah Kanan Program Pengurusan

Yang Berusaha Pengarah-Pengarah, Pengurus-Pengurus, tuan-tuan dan
puan-puan, warga Nuklear Malaysia sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Petang dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat serta keizinan-Nya jua kita dapat berkumpul bersama-sama dan hadir dalam **Perhimpunan Bulanan Bil.6/2025 anjuran Bahagian Keselamatan & Kesihatan Sinaran (BKS).**

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk menyambut kedatangan tahun baharu Islam, **1 Muharam 1447 Hijrah** baru-baru ini. Maal Hijrah bukan sekadar pertukaran angka tahun dalam kalendar tetapi ia mengingatkan kita kepada satu peristiwa besar dalam sejarah Islam, penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah yang menjadi titik tolak kepada pembangunan sebuah tamadun Islam yang cemerlang.

Peristiwa hijrah bukan hanya mengenai perpindahan fizikal tetapi lebih penting ialah **perubahan sikap, pemikiran dan tindakan** ke arah yang lebih baik. Ini juga semangat yang perlu kita hayati dan terjemahkan dalam kehidupan harian khususnya sebagai penjawat awam.

Sebagai kakitangan sektor awam, kita adalah tulang belakang kepada penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Semangat hijrah sepatutnya mendorong kita untuk melakukan **transformasi dalaman** daripada sikap sambil lewa kepada sikap bertanggungjawab, daripada budaya bertangguh

kepada budaya segera, daripada hanya melaksanakan tugas kepada **menyampaikan hasil yang memberi impak.**

Hijrah juga mengajak kita untuk lebih cekap dan berintegriti dalam bekerja. Dalam era digital dan cabaran semasa, kita dituntut untuk **mengadaptasi perubahan, memperkasakan inovasi** serta mempertingkatkan kecekapan dalam segala aspek perkhidmatan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Marilah kita mengambil semangat Maal Hijrah ini untuk **berhijrah dari zon selesa ke zon prestasi** dan sama-sama membina budaya kerja yang lebih produktif, amanah dan mesra rakyat.

BUDAYA KESELAMATAN

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Penganjuran perhimpunan kali ini sangat signifikan dengan keselamatan iaitu Bahagian Keselamatan & Kesihatan Sinaran (BKS) yang sentiasa komited dalam memupuk kesedaran dan amalan budaya keselamatan dalam kalangan warga organisasi.

Budaya keselamatan merujuk kepada sikap, nilai dan amalan yang dikongsi bersama untuk memastikan keselamatan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap tindakan dan keputusan di tempat kerja.

Dalam bidang seperti kita di agensi nuklear, **keselamatan bukan satu pilihan, tetapi satu kewajipan.** Sifat teknologi nuklear yang kompleks dan berisiko tinggi menuntut kita bukan sekadar mematuhi piawaian

keselamatan, tetapi turut **menghayati nilai keselamatan** dalam setiap tugas.

Budaya keselamatan bukan sekadar prosedur atau arahan ia adalah **cara kita berfikir, bertindak dan membuat keputusan**. Ia bermula dengan kepimpinan yang bertanggungjawab dan diteruskan oleh komitmen setiap individu terhadap keselamatan diri, rakan sekerja, alam sekitar dan masyarakat.

Kita perlu ingat, satu kecuai kecil boleh membawa **kesan besar** kepada nyawa, kemudahan dan nama baik organisasi. Justeru, marilah kita **menjadikan budaya keselamatan sebagai teras etika kerja**, bukan semata-mata untuk mematuhi undang-undang tetapi sebagai **tanggungjawab moral dan profesional**.

Budaya keselamatan boleh mengurangkan risiko berlakunya sebarang insiden yang tidak dikehendaki. Namun begitu, ketersediaan dalam menghadapi situasi kecemasan juga perlu diberikan penekanan yang secukupnya. Baru-baru ini pihak Jawatankuasa Kecil Kecemasan (JKK) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Tindakbalas Radiologi dan Nuklear bertujuan mengemaskini mengikut keperluan terkini, satu dokumen prosedur kerja SHE/WP/06 iaitu Persediaan dan Tindakbalas Kecemasan. Dokumen ini akan menjadi panduan untuk kita bertindakbalas sekiranya berlaku kecemasan dan ianya juga diselaraskan dengan Peraturan Tetap Operasi Kebangsaan.

PASUKAN PETUGAS TEKNIKAL (TECHNICAL TASK FORCE)

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Sebagai agensi teknikal utama negara dalam bidang sains dan teknologi nuklear, **Agensi Nuklear Malaysia terus memainkan peranan penting** dalam menyokong inisiatif pembangunan tenaga nuklear negara.

Sejajar dengan hala tuju strategik kerajaan, agensi kita telah menyumbang kepakaran teknikal secara aktif dalam **enam Pasukan Petugas Teknikal (Technical Task Force)** yang ditubuhkan oleh **Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** bagi menjayakan **Program Pembangunan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Elektrik**.

Penglibatan ini mencerminkan **komitmen berterusan Agensi Nuklear Malaysia** dalam memperkukuh kapasiti nasional serta menyokong pembangunan infrastruktur teknologi tenaga nuklear di negara ini.

Keenam-enam Pasukan Petugas Teknikal tersebut merangkumi bidang-bidang kritikal seperti berikut:

1. **Pasukan Petugas Teknikal 1** – Perjanjian Antarabangsa dan Kerjasama Strategik
2. **Pasukan Petugas Teknikal 2** – Pembangunan Projek
3. **Pasukan Petugas Teknikal 3** – Kerangka Perundangan dan Peraturan
4. **Pasukan Petugas Teknikal 4** – Komunikasi dan Libat Urus Pihak Berkepentingan

5. **Pasukan Petugas Teknikal 5** – Teknologi dan Pembangunan Industri

6. **Pasukan Petugas Teknikal 6** – Pembangunan Kompetensi dan Kepakaran Nuklear

Penglibatan aktif dalam pasukan-pasukan ini bukan sahaja menunjukkan keupayaan teknikal agensi, tetapi juga membuktikan peranan penting kita sebagai pemangkin dalam pelaksanaan dasar dan strategi negara berkaitan tenaga nuklear.

WORLD COMPETITIVENESS RANKING (WCR) 2025

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Saya juga ambil kesempatan ini untuk berkongsi kenyataan Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar mengenai pencapaian negara kita dalam World Competitiveness Ranking (WCR) 2025. Dalam **World Competitiveness Ranking (WCR) 2025**, Malaysia melonjak **11 anak tangga** ke kedudukan **ke-23 daripada 69 ekonomi dunia**, meletakkan kita di landasan kukuh menuju sasaran **Ekonomi MADANI**. Satu pencapaian yang membanggakan.

Peningkatan ini disumbang oleh aspek **Kecekapan Kerajaan**, yang naik 8 tangga ke tempat ke-25. Beberapa sub-indikator turut mencatat lonjakan besar, antaranya:

- **Kerangka institusi** (naik 11 tangga),
- **Pengurusan kewangan awam** (naik 8 tangga), dan
- **Indikator birokrasi**, yang melonjak 22 anak tangga ke tempat ke-14.

Penambahbaikan ini banyak dipacu oleh pelaksanaan awal **Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)** dan usaha kerajaan membanteras rasuah yang turut memperbaiki persepsi pelabur dan masyarakat.

Kerajaan akan terus memperkukuh **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** dengan lebih 1,000 projek RKB, disokong teknologi seperti **pendigitalan dan AI** untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan perkhidmatan awam.

Pencapaian ini adalah hasil usaha bersama seluruh jentera kerajaan, termasuk kita di **Agensi Nuklear Malaysia**. Marilah kita terus menyokong agenda nasional dan menyumbang ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam.

MADANI

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Di bawah inisiatif Kerajaan Malaysia MADANI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah berjaya melaksanakan beberapa projek kepada rakyat, antaranya:-

I. Projek Kerjasama Kajian Padi Mutan di MELOR, KELANTAN [Projek SRF- APP (SRF07241283APP) - Development and Commercialization Of Climate-Resilient Rice Varieties To Increase National Yield Production.

Melalui projek ini penanaman benih padi varieti baharu sedang dilaksanakan di Plot Padi, Melor, Kelantan. Benih padi baharu yang dihasilkan akan mempunyai ciri agronomik baharu yang rintang penyakit dan berupaya menyumbang kepada peningkatan hasil petani.

II. Projek Kerjasama Lembaga Kenaf & Tembakau Negara (LKTN) dalam pembangunan varieti baharu kenaf.

Kerjasama R&D Nuklear Malaysia dan LKTN telah menghasilkan dua varieti benih baharu kenaf iaitu MK1 dan MK2. Kaedah mutasi teraruh digunakan untuk meningkatkan ciri agronomi tanaman kenaf agar lebih tahan terhadap perubahan iklim serta menghasilkan hasil yang lebih tinggi. Nuklear Malaysia turut menjalankan penyelidikan berkenaan kegunaan kenaf sebagai biokomposit untuk penghasilan bahan binaan yang lebih berdaya saing dan mesra alam.

Di antara Program / Projek penyelesaian teknologi yang berpotensi untuk diperluaskan adalah :

III. Projek Floodcom: Floating Flood Disaster Command Centre

sebagai pusat gerakan banjir terapung ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan, operasi menyelamatkan, logistik, dan komunikasi secara langsung di lokasi bencana semasa bencana banjir, khususnya di Kelantan.

IV. Projek Kajian ketulenan dan jejak asal (origin) produk pertanian menggunakan isotop stabil - Projek kajian ketulenan dan jejak asal (origin) menggunakan teknik isotop stabil untuk melindungi reputasi produk keluaran dan menyokong perlindungan harta intelek di bawah Akta Petunjuk Geografi 2022 bagi meningkatkan nilai produk.

V. Projek Kampung Angkat Madani - bagi pelaksanaan Projek Akuakultur Mampan, Ruang Perniagaan Terapung Lestari dan Pusat Rekreasi Air kepada rakyat. Nuklear Malaysia telah memberikan kepakaran teknikal kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam membangunkan Projek Jeti Kasih di bawah inisiatif Program Kampung Angkat MADANI kementerian tersebut. Jeti yang dibangunkan menggunakan teknologi inovasi struktur terapung biokomposit yang mesra alam, terdiri daripada bahan biokomposit dan modul apungan 'radiation crosslinked HDPE (RX-HDPE)' berpotensi untuk dijadikan sebagai pusat hub operasi menyelamat, pengkalan dan menjadi salah satu daya tarikan ekopelancongan.

VI. Program pembudayaan teknologi digital, inovasi dan STEM – merangkumi program jangkauan Luar STEM dan program latihan Pusat Kecemerlangan Nuklear dalam bidang STI Nuklear akan diperluaskan kepada rakyat Kelantan.

PENUTUP

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menyampaikan seruan kepada seluruh warga Nuklear Malaysia yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Marilah kita terus bersatu hati, melangkah seiring dan teguh berkomitmen dalam usaha kita untuk menerajui kemajuan teknologi nuklear negara. Segala pencapaian yang kita nikmati hari ini bukanlah hasil usaha individu, tetapi lahir daripada semangat kerjasama, dedikasi dan iltizam kolektif kita semua.

Dengan semangat yang sama, saya yakin dan percaya bahawa kita mampu mengangkat nama Nuklear Malaysia ke tahap yang lebih tinggi bukan sahaja sebagai peneraju dalam bidang teknikal dan penyelidikan, tetapi juga sebagai simbol kecemerlangan perkhidmatan awam yang berwibawa dan diyakini rakyat.

Saya mendoakan agar seluruh warga Nuklear Malaysia dikurniakan kesihatan yang baik, minda yang cerdas dan jiwa yang cekal untuk terus berganding bahu menabur bakti, menyumbang kepakaran dan memperkukuh keberadaan agensi ini di persada nasional dan antarabangsa. Dengan kerjasama padu dan semangat yang tidak pernah luntur, saya yakin lebih banyak kejayaan menanti kita di hadapan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Sinaran (BKS) atas penganjuran Perhimpunan Bulanan Bil. 6/2025 yang berjaya dilaksanakan dengan cemerlang.

Tidak dilupakan juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Trima kasih atas komitmen, kesungguhan dan semangat kerja berpasukan yang telah ditunjukkan.

Terima kasih dan syabas kepada anda semua. **Majulah Nuklear Malaysia!**

Sekian Wabillahhiltaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih